

Johari tumpu baik pulih kewangan negara

KUALA LUMPUR 27

Jun - Menteri Kewangan II, Datuk Johari Abdul Ghani menerima keputusan rombakan dengan hati terbuka dan berjanji akan menumpukan usaha untuk membaik pulih keadaan kewangan negara dalam landskap ekonomi mencabar masa kini.

Katanya, meskipun terkejut dengan pelantikan itu, beliau akan memikul tanggungjawab yang diamanahkan sebaik mungkin dan mengharapkan kerjasama semua pihak.

“Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak kerana telah memberi kepercayaan kepada saya untuk menerajui Kementerian Kewangan.

“Saya percaya jawatan sebagai Menteri Kewangan II amat



JOHARI ABDUL GHANI

mencabar tetapi pengalaman sebagai Timbalan Menteri Kewangan yang saya pegang sebelum ini serta penglibatan dalam sektor korporat akan digunakan untuk memandu saya melaksanakan tanggungjawab baharu,” katanya kepada *Utusan Malaysia* ketika ditemui di rumahnya di sini hari ini.

Seramai dua menteri dan empat timbalan menteri baharu dilantik dalam rombakan Kabinet yang diumumkan Najib hari ini.

Seorang lagi yang dilantik sebagai menteri ialah bekas Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Seri Noh Omar yang kembali ke dalam Kabinet apabila dilantik sebagai Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan menggantikan Datuk Abdul Rahman Dahlan.